

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 13 Mac 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JANUARI 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 20.8 peratus pada Januari 2025

PUTRAJAYA, 13 MAC 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Januari 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 20.8 peratus pada Januari 2025 (30,342 tan metrik) berbanding pada Disember 2024 (38,299 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 0.2 peratus (Januari 2024: 30,287 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Januari 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (87.0%) berbanding sektor estet (13.0%).

Jumlah stok getah asli pada Januari 2025 meningkat 6.0 peratus kepada 177,936 tan metrik berbanding 167,801 tan metrik pada Disember 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 87.5 peratus diikuti kilang pengguna getah (12.4%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 44,337.6 tan metrik pada Januari 2025, menurun 0.001 peratus berbanding Disember 2024 (44,337.8 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 43.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Januari 2025 diikuti Jerman (11.1%), Emiriah Arab Bersatu (9.3%), Amerika Syarikat (7.6%) dan Portugal (3.0%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.4 billion pada Januari 2025, menurun 8.1 peratus berbanding Disember 2024 (RM1.5 billion).


Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 3.0 peratus (Januari 2025: 678.42 sen sekilogram; Disember 2024: 699.35 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 1.9 peratus (Januari 2025: 743.27 sen sekilogram; Disember 2024: 757.28 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 1.6 peratus dan 3.0 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 3.1 peratus (daripada USD1.99/kg kepada USD1.93/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 0.6 peratus (daripada USD2.38/kg kepada USD2.37/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Januari 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur menunjukkan trend bercampur-campur seiring dengan pasaran niaga hadapan getah serantau berikutan prestasi ekonomi Amerika Syarikat dan China yang tidak menentu. Pasaran berhadapan tekanan akibat pengukuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat dan kemerosotan harga minyak mentah.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Disember. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Januari 2024, Disember 2024 - Januari 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Januari 2024, Disember 2024 - Januari 2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
13 MAC 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, March 13th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA JANUARY 2025

Malaysia natural rubber production decreased by 20.8 per cent in January 2025

PUTRAJAYA, MARCH 13, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, January 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 20.8 per cent in January 2025 (30,342 tonnes) as compared to December 2024 (38,299 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 0.2 per cent (January 2024: 30,287 tonnes). Production of NR in January 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (87.0%) as compared to estates sector (13.0%).

Total stocks of NR in January 2025 increased by 6.0 per cent to 177,936 tonnes as compared to 167,801 tonnes in December 2024. Rubber processors factory contributed 87.5 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (12.4%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 44,337.6 tonnes in January 2025, decreased 0.001 per cent as against December 2024 (44,337.8 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 43.6 per cent of total exports in January 2025 followed by Germany (11.1%), the United Arab Emirates (9.3%), the United States of America (7.6%) and Portugal (3.0%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.4 billion in January 2025, a decrease of 8.1 per cent as compared to December 2024 (RM1.5 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 3.0 per cent (January 2025: 678.42 sen per kg; December 2024: 699.35 sen per kg) while Scrap decreased by 1.9 per cent (January 2025: 743.27 sen per kg; December 2024: 757.28 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 1.6 per cent and 3.0 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 3.1 per cent (from USD1.99/kg to USD1.93/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 0.6 per cent (from USD2.38/kg to USD2.37/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in January 2025, the Kuala Lumpur Rubber Market displayed a mixed trend in tandem with the regional rubber futures markets owing to uneven economic performance of the United States of America and China. The market faced downward pressure from the strengthening of ringgit against the United States of America dollar and declining crude oil prices.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on December 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber January 2024, December 2024 - January 2025
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber January 2024, December 2024 - January 2025
(‘000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 MARCH 2025**